

D665

e B196 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 3 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI D R MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN MEMINDA AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 SEMATA-MATA KERANA TANGGUNGJAWABNYA MENGAWASI TIADA PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN KESTABILAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA DIKEMBANGKAN DALAM MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, UNTUK TUJUAN INI KERAJAAN BERHASRAT MEMPERJELASKAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DALAM AKTA ITU DENGAN MEMBUAT UNDANG-UNDANG YANG TIDAK BOLEH DITAFSIR OLEH SESIAPA BAGI MENJAMIN TUJUAN AKTA ITU TERCAPAI.

BELIAU BERKATA ADALAH PENTING KUASA-KUASA KERAJAAN DALAM AKTA ITU DIJELASKAN DALAM UNDANG-UNDANG BERTULIS.

+PINDAAN INI MENJADI LEBIH PERLU KERANA ADA KECENDERONGAN SESIAPA PIHAK MENGGUNAKAN UNDANG-UNDANG YANG TIDAK BERTULIS MENGHALANG FUNGSI KERAJAAN, + KATA BELIAU KETIKA BERUCAP MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG BAGI MEMINDA AKTA ITU DI DEWAN RAKYAT.

UNDANG-UNDANG INI DIPINDA KERANA KERAJAAN YANG MEWAKILI RAKYAT BERPENDAPAT AMATLAH BERBAHAYA JIKA PENTADBIRAN NEGARA DISALAH TAFSIR MENGIKUT BUDI BICARA DUA TIGA ORANG SAHAJA.

+WALAU BAGAIMANA BIJAK SEKALIPUN ORANG-ORANG INI, SEBAGAI MANUSIA BIASA MEREKA MEMPUYAI PERASAAN YANG BOLEH MEMPENGARUHI FIKIRAN DAN PENDIRIAN MEREKA, + KATANYA. - LAGI.  
1757MST 03 12 87

D667

e B198 AAB  
PARLINEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA ADALAH SUKAR BAGI KERAJAAN MENERIMA UNDANG-UNDANG YANG TIDAK BERTULIS KERANA IA TIDAK MUNGKIN TAHU APA YANG BOLEH DIBUAT DAN APA YANG TIDAK BOLEH.

+DALAM KEADAAN KABUR ATAU TIDAK JELAS INI PEMERINTAHAN MENJADI KELAM KABUT. SESIAPA SAHAJA BOLEH MENCABAR KERAJAAN DAN MENGHALANG TINDAKAN YANG DIANGGAP SAH OLEH KERAJAAN, + KATA BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN MEMERINTAH DAN MENGAMBIL TINDAKAN MELALUI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERTULIS. INI MENJAMIN IA TIDAK BERTINDAK SESUKA HATI DAN DI LUAR BATASAN.

UNDANG-UNDANG BERTULIS JELAS MENYATAKAN APA YANG BOLEH DIBUAT DAN APA YANG TIDAK BOLEH DIBUAT, DENGAN PERKATAAN LA IN KERAJAAN, SEPERTI JUGA RAKYAT, TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN PINDAAN-PINDAAN KE ATAS AKTA ITU, PENGELUAR DAN PENGIMPORT BAHAN CETAK AKAN TAHU DENGAN LEBIH JELAS APA YANG BAIK BAGI NEGARA INI DAN MEREKA DAPAT MENGAWAL DIRI MEREKA. - LAGI.  
1801MST 03 12 87

D670

B B202 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA UNDANG-UNDANG SEPerti AKTA TERSEBUT BUKAN SAHAJA TERDAPAT DI MALAYSIA TETAPI JUGA DI NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK Di NEGARA DI MANA BEBERAPA MAJALAH ANTARBANGSA DITERBITKAN.

KATANYA, KEBEBASAN AKHBAR BUKANLAH ABSOLUTE (MUTLAK). DIMANA-MANA JUGA AKHBAR DIKONTROL BUKAN SAHAJA OLEH KERAJAAN TETAPI JUGA OLEH PENGARANG DAN KAKITANGAN LAIN DALAM AKHBAR BERKENAAN, OLEH PENGIKLAN DAN JUGA OLEH PEMILIK AKHBAR.

SETIAP PIHAK MEMPUNYAI PENDIRIANDAN KEPENTINGAN TERTENTU. KEBEBASAN AKHBAR ADALAH KEBEBASAN BAGI GOLONGAN INTI. S. A. H. A. J. A

JIKA ADA DI ANTARA GOLONGAN INI YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAU INGIN MENGEMBANGKAN SESUATU PANDANGAN YANG TIDAK SIHAT MASYARAKAT AKAN MENJADI MANGSA, TAMBAH BELIAU.

+KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB MENGAWASI SUPAYA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK SIHAT TIDAK DIKEMBANGKAN DALAM NEGARA MAJMUKKITA INI, + KATA DATUK SERIDR MAHATHIR. -LAGI.

1806MST 03 12 87

D698

B B214 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALALUMPUR R a R

OLEH ITU DALAM MELIHAT PINDAAN-PINDAAN KE ATAS AKTA ITU, PERDANA MENTERI MENEGASKAN HAKIKAT YANG PERLU DIBERI PERHATIAN YANG SERIUS IALAH KESTABILAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERBILANGKAUM.

+JIKA UNTUK KEPENTINGAN INI KITA PERLU MENGAWAL SEDKIT KEBEBASAN SATU GOLONGAN YANG MENGANCAM KESTABILAN KITA, KITA PERLU LAH MELAKUKAN PENGAWALAN INI. +

MENGENAI PINDAAN YANG MEMBERI KUASA MUKTAMAD KEPADA MENTERI BERKENAAN DALAM MEMPERBAHARUI, MEMBATALKAN DAN MENGGANTUNG LESEN PENERBITAN, BELIAU MENJELASKAN IA DIBERI KERANA KERAP KALI MAKLUMAT YANG DIBERI KEPADANYA JIKA DIDEDAHKAN KEPADA ORANG RAMAI AKAN MENYEBABKAN KESAN BURUK KEPADA KESELAMATAN DAN KEPENTINGAN NEGARA.

JIKA KES-kes seperti ini dibicarakan secara terbuka tidak dapat tidak, MAHKAMAH AKAN MENJADI GELANGGANG POLITIK.

+JIKA MENTERI MENYALAHGUNAKAN KUASA YANG DIBERIKAN, RAKYAT AKAN MENENTUKAN TINDAKAN TERHADAPNYA MELALUI SALURAN DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DALAM NEGARA INI, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR -- LAGI  
1858MST C13 1287

D699

e B215 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALALUMPUR R R R

MENGENAI PINDAAN MEMPERUNTUKKAN PERBUATAN MENYIARKAN BERITA YANG TIDAK BENAR DENGAN NIAT JAHAT SEBAGAI SATU KESALAHAN, DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA KEBELAKANGAN INI TERDAPAT BANYAK LAPORAN YANG TIDAK BENAR TERSIAR DALAM AKHBAR DAN MAJALAH-MAJALAH BAIK YANG DITERBITKAN DALAM NEGERI MAHUPUN DI LUAR NEGERI.

+NAMPAKNYA PIHAK AKHBAR DAN MAJALAH YANG TERLIBAT TIDAK MENGHIRAUKAN KESAN SIARAN BERITA YANG TIDAK BENAR KE ATAS PIHAK ATAU GOLONGAN YANG MENJADI MANGSA TINDAKAN MEREKA ATAU KESAN BURUK KE ATAS KESELAMATAN DAN EKONOMI NEGARA, +KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA PERUNTUKAN BARU INI BERTUJUAN MENGGALAKKAN PIHAK AKHBAR BERSIKAP LEBIH BERTANGGUNGJAWAB. - BERNAMA.

1900MST 03 12 87